



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. Kami : ANM PG.500/1/Jld.12(28)
Tarikh : 22 Februari 2023

Semua Ketua
Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (SECOND VALIDATION) PEMBAYARAN
EMOLUMEN PEGAWAI AWAM SISTEM IGFMAS (HUMAN CAPITAL MANAGEMENT
– HCM)**

Adalah dimaklumkan, semakan tambahan (*second validation*) ke atas pembayaran emolumen pegawai awam akan dilaksanakan pada suku kedua 2023 bagi meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti pembayaran Kerajaan.

2. Sehubungan itu YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato'Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, perlu memastikan maklumat **Nombor Kad Pengenalan, Nombor Akaun Bank dan Swift Code Bank** di dalam sistem iGFMAS (Human Capital Management – HCM) adalah **SAMA** dengan maklumat di sistem bank.
3. Sila ambil perhatian bahawa **perbezaan maklumat** antara sistem iGFMAS (Human Capital Management – HCM) dan sistem bank akan menyebabkan **pembayaran gaji pegawai tidak berjaya**. Mohon pastikan juga akaun pembayaran gaji yang digunakan adalah **Akaun Individu bukannya Akaun Bersama atau Akaun Syarikat**.
4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dipohon untuk menyemak dan mengemas kini maklumat Nombor Kad Pengenalan, Nombor Akaun Bank (jika perlu) serta *Swift Code Bank* di dalam sistem iGFMAS (Human Capital Management – HCM) atau sistem bank (yang mana berkenaan).

Ruj. Kami : ANM PG.500/1/Jld.12(28)
Tarikh : 22 Februari 2023

5. Adalah diingatkan bahawa sebarang kesulitan yang timbul selepas berkuatkuasanya Semakan Tambahan (*second validation*) ini adalah di bawah tanggungjawab pihak PTJ sepenuhnya. Oleh itu, komitmen dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat diharapkan.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menurut perintah,



(MAZIAH BINTI MUSA (C.A.M))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang